



## SIARAN MEDIA

---

### PENAFIAN TSUNAMI/RIBUT KUAT BERLAKU DI SABAH

---

Orang ramai diingatkan untuk tidak mempercayai khabar angin di media-media sosial bahawa terdapatnya ‘amaran tsunami/ribut kuat dijangka akan berlaku di Sabah dalam tempoh 36 jam daripada sekarang dan pantai sekitar Terengganu dan Pahang akan dilanda ombak besar’.

Dimaklumkan, Sistem Amaran Awal Tsunami nasional yang diselaraskan oleh Jabatan Meteorologi Malaysia (MetMalaysia) iaitu jabatan di bawah MOSTI, tidak mengesan sebarang gempa di laut melebihi 6 magnitude, malahan cuaca dan keadaan laut adalah diramalkan baik. Buat masa ini di Sabah hanya terjadi gempa susulan lemah berikutan kejadian gempa pada 5 Jun 2015 lalu.

Oleh itu, orang awam dari semasa ke semasa perlulah mendapatkan maklumat berkaitan yang sahih dari laman sesawang Jabatan Meteorologi Malaysia (MetMalaysia) <http://www.met.gov.my> atau mobile web rasmi <m.met.gov.my> atau facebook <https://www.facebook.com/malaysiamet> atau twitter <https://twitter.com/malaysiamet> atau MetMalaysia Hotline di talian **1 300 22 1MET (1638)**.

Makluman bersama, Jabatan Meteorologi Malaysia (MetMalaysia), Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) telah menubuhkan ***War Room bertempat di Pejabat Meteorologi Kota Kinabalu***, Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu sebagai tempat rujukan orang awam untuk mendapatkan maklumat terkini mengenai status gempa bumi tersebut dan gempa-gempa susulan yang berlaku dengan menghubungi talian **088-413 690 @ 088-413 691**.